



SIARAN AKHBAR

LEBIH 1,000 USAHAWAN WANITA TERIMA BANTUAN KEWANGAN HAMPIR RM23 JUTA DARIPADA SME CORP. MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 8 Mac 2024 – Sebanyak 1,065 usahawan wanita telah menerima manfaat melalui bantuan kewangan berjumlah RM22.6 juta daripada SME Corp. Malaysia, agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) pada tahun 2023. Jumlah tersebut merangkumi hampir 40 peratus daripada bilangan keseluruhan 2,708 Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang menerima manfaat daripada program-program pembangunan PMKS yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia pada tahun tersebut dengan nilai bantuan berjumlah RM92.6 juta.

Pencapaian tersebut berjaya melepasi sasaran awal yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia bagi memastikan sekurang-kurangnya 30 peratus penerima manfaat adalah dari kalangan usahawan wanita. Di antara program yang banyak memberi manfaat kepada usahawan wanita adalah Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro (BizME) yang mana seramai 548 peserta atau 48% daripada jumlah keseluruhan peserta iaitu 1,142 terdiri daripada usahawan wanita dengan bantuan bernilai RM1.7 juta.

SME Corp. Malaysia juga telah membantu usahawan wanita melalui Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) yang bertujuan menggalakkan golongan belia menceburi bidang keusahawanan. Daripada 555 peserta yang telah diluluskan geran perniagaan berjumlah RM10 juta, separuh daripadanya (50%) adalah belia wanita iaitu seramai 280 peserta yang telah diluluskan geran perniagaan berjumlah RM4.3 juta. Selain itu, SME Corp. Malaysia telah melaksanakan Program Pengukuhan Eksport PMKS yang bertujuan meningkatkan keupayaan pra-eksport PMKS serta menambah bilangan PMKS yang berpotensi menembusi pasaran global. Seramai 121 PMKS milikan wanita telah mendapat kelulusan berjumlah RM3.3 juta.

Program lain yang telah mencatatkan penyertaan memberangsangkan dari usahawan wanita adalah seperti Program Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan PKS (BAP), Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) dan Geran Perniagaan Mikro (GPM) yang telah berjaya memanfaatkan lebih 100 usahawan wanita dengan kelulusan geran bernilai lebih RM12 juta bagi tujuan pembangunan kapasiti perniagaan mereka.

YBrs. Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia berkata, “SME Corp. Malaysia kekal komited untuk membantu usahawan wanita dengan mensasarkan sekurang-kurangnya 30% penerima manfaat bagi inisiatif dan program-program yang dilaksanakan adalah usahawan wanita. Bagi tahun 2024, sebanyak RM134.6 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif dan program. Kami mensasarkan lebih 16,700 PMKS bakal menerima manfaatnya pada tahun ini termasuklah usahawan wanita, sejajar dengan aspirasi kerangka Ekonomi MADANI yang lebih saksama, inklusif dan mampan”.

“Pada tahun ini juga, SME Corp. Malaysia akan kembali menganjurkan Anugerah *Enterprise 50 (E50)* iaitu program anugerah berprestij yang mengiktiraf pencapaian 50 PMKS terunggul di Malaysia. Bagi mengiktiraf pencapaian dan sumbangan usahawan wanita, salah satu Anugerah Khas yang telah diwujudkan di bawah Anugerah tersebut adalah Anugerah Usahawan Wanita Terbaik E50”, menurut beliau lagi.

Bagi mempermudah PMKS memohon bantuan yang ditawarkan, mereka boleh memanfaatkan permohonan secara dalam talian melalui Sistem Bersepadu Penarafan & Insentif PMKS (MyBPI) yang baru diperkenalkan tahun ini. Maklumat lanjut berkenaan program serta inisiatif yang disediakan boleh diakses di laman sesawang SME Corp. Malaysia.

– TAMAT –

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasi PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 603-9213 0077
Faks : 603-2775 6001
E-mel : info@smecorp.gov.my
Laman sesawang: www.smecorp.gov.my

Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)
Tel : 03-2775 6290
E-mel : suraini@smecorp.gov.my